



1. Muhibbah Engineering (M) Bhd (197201001137(12737-K)) dan/atau kumpulan syarikatnya ("**Kumpulan Syarikat Muhibbah**") akan menggunakan maklumat peribadi yang anda berikan / telah berikan dalam borang permohonan anda bersama-sama dengan maklumat yang kami perolehi secara langsung daripada anda atau daripada pihak ketiga (contohnya daripada penjamin anda dan sebagai hasil semakan keselamatan / kredit), serta maklumat yang kami perolehi hasil daripada hubungan kami dengan anda seperti butiran pengenalan peribadi, butiran kewangan dan butiran akaun bank, butiran kesihatan, sabitan jenayah, bangsa, agama dan etnik, rekod perubatan, maklumat dalam format audio dan/atau video (termasuk rakaman suara, rakaman video, rakaman kamera litar tertutup ("**CCTV**") atau rakaman keselamatan), imej (termasuk gambar) dan maklumat biometrik (termasuk rekod-rekod perubatan anda yang dikumpul, disimpan dan diselenggara oleh Kumpulan Syarikat Muhibbah atau penyedia perkhidmatan kesihatan atau insurans pihak ketiga bagi pihak Kumpulan Syarikat Muhibbah) ("**Data Peribadi**"). Data Peribadi ini mungkin dikumpul dan diproses sebelum dan semasa proses pengambilan pekerja and sekiranya anda kemudiannya diambil bekerja oleh Kumpulan Syarikat Muhibbah, ia akan digunakan dan dikekalkan sepanjang tempoh perkerjaan anda bagi tujuan:

a) Tujuan pengurusan sumber manusia termasuk:

- (i) Untuk mengenalpastian dan penentuan kelayakan bagi pekerjaan di negara di mana Kumpulan Syarikat Muhibbah ditubuhkan secara amnya dan kelayakan yang berkaitan dengan pekerjaan dalam Kumpulan Syarikat Muhibbah;
- (ii) Pengesahan pra-pekerjaan maklumat yang diberikan oleh bakal pekerja termasuk: menyemak ketepatan dan kelengkapan butiran (seperti kelayakan) yang diberikan oleh bakal pekerja;
- (iii) Pemeriksaan pra-pekerjaan terhadap latar belakang dan keadaan bakal pekerja yang mungkin merangkumi semakan latar belakang berkaitan rekod jenayah, mendapatkan maklumat daripada biro kredit untuk menyemak tahap kewangan bakal pekerja, serta semakan rujukan berkenaan kesesuaian bakal pekerja untuk sesuatu jawatan;
- (iv) Menilai prestasi kerja individu, kehadiran dan rekod tatatertib;
- (v) Menjalankan prosiding tatatertib pekerja;
- (vi) Menjalankan latihan kepada pekerja;
- (vii) Mendapatkan dan menyelenggara rekod serta maklumat kesihatan pekerja yang termasuk: memerlukan anda melengkapkan borang soal selidik kesihatan atau menjalani pemeriksaan perubatan;
- (viii) Menyemak semula gaji, bonus dan faedah lain;
- (ix) Menyediakan surat rujukan pekerja yang termasuk: surat kepada pihak ketiga yang mengandungi butiran (tidak termasuk maklumat gaji) mengenai pekerjaan pekerja dalam Kumpulan Syarikat Muhibbah;
- (x) Memantau aktiviti dan komunikasi perniagaan anda (melalui pemantauan CCTV, telefon, e-mel dan data trafik internet seperti: pengirim, penerima, subjek; tarikh dan masa mesej teks; lampiran e-mel; nombor yang dihubungi dan tempoh panggilan; nama domain laman web yang dilawati, tempoh lawatan; dan fail yang dimuat turun dari internet) atas sebab-



sebab termasuk: menyediakan bukti urusan perniagaan; memastikan prosedur, dasar dan kontrak perniagaan dengan pekerja dipatuhi; memenuhi sebarang kewajipan undang-undang; memantau standard perkhidmatan, prestasi kakitangan, dan untuk tujuan latihan kakitangan

- (xi) Pendedahan kepada pihak berkuasa pekerjaan, percukaian, imigresen dan/atau mana-mana pihak berkuasa kerajaan;
 - b) Pelaksanaan proses perniagaan, termasuk penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan, penyediaan laporan tahunan;
 - c) Pendedahan kepada mana-mana bakal pembeli Kumpulan Syarikat Muhibbah dan/atau sebahagian daripada perniagaan Kumpulan Syarikat Muhibbah selaras dengan sebarang pelaksanaan usaha wajar (due diligence) atau sebarang pelaksanaan yang serupa;
 - d) Tujuan pentadbiran dan pengurusan;
 - e) Pematuhan undang-undang;
 - f) Mengendalikan premis Muhibbah dengan cara yang selamat dari segi fizikal, terjamin dan sesuai dari aspek kesihatan dan keselamatan;
 - g) Audit kawalan kualiti;
 - h) Semakan kewangan atau keselamatan;
 - i) Analisis statistik;
 - j) Penilaian dan analisis, semakan kredit, penyelesaian keselamatan;
 - k) Tuntutan undang-undang, prosiding mahkamah atau timbang tara; dan
 - l) Semua perkara lain yang berkaitan dengan pekerjaan anda dengan Kumpulan Syarikat Muhibbah sebagaimana yang dianggap perlu atau sesuai oleh Kumpulan Syarikat Muhibbah.
2. Selain daripada maklumat yang diberikan oleh anda, Kumpulan Syarikat Muhibbah mungkin akan memperoleh data peribadi mengenai anda daripada pelbagai semakan rujukan, semakan latar belakang atau daripada pelbagai pihak berkuasa kerajaan.
3. Kami mungkin mendedahkan maklumat anda kepada penyedia perkhidmatan kami, ejen dan pihak-pihak yang dikenalpasti di bawah bagi tujuan yang dinyatakan di atas.
- a) mana-mana syarikat berkaitan dan anak syarikat Kumpulan Syarikat Muhibbah, termasuk sekutunya, syarikat bersekutu, pemegang saham, ejen, wakil, penyedia perkhidmatan dan rakan niaga di dalam dan luar Malaysia, termasuk yang akan ditubuhkan pada masa hadapan, seperti organisasi yang menyediakan dan mengurus faedah pekerja serta perkhidmatan lain kepada Kumpulan Syarikat Muhibbah, termasuk tetapi tidak terhad kepada penasihat undang-undang, juruaudit, penyedia perkhidmatan insurans, penyedia perkhidmatan kesihatan dan penyedia perkhidmatan berkaitan imigresen bagi tujuan pentadbiran, kecekapan ekonomi, penanda aras dan peluang pemindahan dalam Kumpulan Syarikat Muhibbah;
 - b) mana-mana pihak yang mana Kumpulan Syarikat Muhibbah terpaksa atau dikehendaki mendedahkan maklumat tersebut di bawah undang-undang, melalui perintah mahkamah atau sebagai respons kepada agensi kawal selia, penguatkuasaan undang-undang atau agensi



- kerajaan yang berwibawa;
- c) mana-mana pihak di mana kepentingan awam atau kepentingan kami memerlukan pendedahan tersebut;
 - d) mana-mana ejen atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang menyediakan perkhidmatan pentadbiran, komersial, profesional, telekomunikasi, perkhidmatan penggajian, komputer atau perkhidmatan lain kepada Kumpulan Syarikat Muhibbah yang berkaitan dengan perniagaan kami;
 - e) mana-mana pihak yang memohon rujukan pekerjaan;
 - f) institusi kewangan atau agensi semakan atau pelaporan kredit dan agensi pencegahan penipuan;
 - g) syarikat pencen atau insurans yang mana Kumpulan Syarikat Muhibbah telah mengatur perlindungan faedah untuk pekerjanya; dan
 - h) pelanggan, subkontraktor atau penyedia produk/perkhidmatan pihak ketiga sebagaimana yang ditentukan oleh Kumpulan Syarikat Muhibbah sebagai perlu atau sesuai bagi tujuan penyimpanan atau pemprosesan data atau pengurusan sumber manusia atau lain-lain tujuan.
4. Sekiranya pada bila-bila masa anda memberikan kami maklumat peribadi mengenai orang lain, anda hendaklah memastikan bahawa anda diberi kuasa untuk berbuat demikian.
 5. Kami mungkin menyimpan maklumat anda untuk tempoh masa yang munasabah selepas anda berhenti bekerja dengan kami selaras dengan keperluan undang-undang.
 6. Anda berhak untuk meminta sesalinan maklumat yang kami simpan mengenai anda dan untuk mengemas kini atau membetulkan sebarang ketidaktepatan dalam maklumat anda dengan menghubungi Jabatan Sumber Manusia.
 7. Kegagalan untuk membekalkan Data Peribadi sedemikian boleh menjejaskan peluang pekerjaan anda atau menjejaskan keupayaan Kumpulan Syarikat Muhibbah untuk melaksanakan tanggungjawabnya di bawah mana-mana kontrak pekerjaan yang berpotensi atau sedia ada, atau keupayaan anda untuk menikmati faedah pekerjaan anda dengan kami.
 8. Kami akan berusaha untuk melaksanakan kawalan pentadbiran dan keselamatan serta prosedur yang sesuai selaras dengan undang-undang dan peraturan yang berkenaan bagi mengelakkan pemprosesan Data Peribadi anda secara tidak dibenarkan atau menyalahi undang-undang serta kehilangan, kemusnahan atau kerosakan secara tidak sengaja terhadap Data Peribadi anda.
 9. Anda berhak untuk meminta akses kepada dan pembetulan maklumat mengenai anda yang disimpan oleh Kumpulan Syarikat Muhibbah dan anda boleh:
 - a) menyemak sama ada Kumpulan Syarikat Muhibbah menyimpan atau menggunakan Data Peribadi anda dan memohon akses kepada data tersebut;
 - b) memohon agar Kumpulan Syarikat Muhibbah membetulkan sebarang Data Peribadi anda yang tidak tepat, tidak lengkap atau sudah lapuk;
 - c) memohon agar Data Peribadi anda disimpan oleh Kumpulan Syarikat Muhibbah hanya selama mana yang diperlukan untuk memenuhi tujuan data tersebut dikumpulkan;



- d) memohon agar Kumpulan Syarikat Muhibbah menyatakan atau menerangkan dasar dan prosedurnya berkenaan data serta jenis Data Peribadi yang dikendalikan oleh Kumpulan Syarikat Muhibbah; dan
- e) menarik balik, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, persetujuan anda yang telah diberikan sebelum ini.

tertakluk kepada sebarang sekatan undang-undang yang berkenaan, syarat kontrak dan tempoh masa yang munasabah bagi setiap permohonan. Berhubung dengan perenggan 9(e) di atas, sila ambil perhatian bahawa walaupun anda menarik balik persetujuan anda, Kumpulan Syarikat Muhibbah masih boleh meneruskan pemprosesan data peribadi anda dalam keadaan yang diiktiraf dan dibenarkan oleh undang-undang.

- 10. Individu yang perlu dihubungi bagi permintaan bertulis untuk akses kepada Data Peribadi atau pembetulan dan/atau pemadaman Data Peribadi atau untuk mendapatkan maklumat mengenai dasar dan prosedur serta jenis Data Peribadi yang dikendalikan oleh Kumpulan Syarikat Muhibbah adalah:

Pengurus, Perkhidmatan Sokongan Sumber Manusia

No. Tel.: (+603) 3342 4323

Emel: pdpa.hr@muhibbah.com.my

- 11. Notis ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara kedua-dua versi, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
- 12. Senarai Kumpulan Syarikat Muhibbah:



1. Muhibbah Engineering (M) Bhd
2. Muhibbah Marine Engineering Sdn Bhd
3. Elelink Sdn Bhd
4. ITS Konsortium Sdn Bhd
5. Muhibbah Airline Support Industries Sdn Bhd
6. MEB Construction Sdn Bhd
7. Muhibbah Steel Industries Sdn Bhd
8. Muhibbah Steel Kuantan Sdn Bhd
9. Ann Bee (M) Sdn Bhd
10. MEB Marketing Sdn Bhd
11. Muhibbah Reefers Sdn Bhd
12. Citech Energy Recovery System Malaysia Sdn Bhd (fka Solid Reserve Sdn Bhd)
13. Citech Energy Recovery Solutions (UK) Ltd
14. Muhibbah-LTAT JV Sdn Bhd
15. Konsortium Muhibbah Eng-LTAT Sdn Bhd
16. CB International Engineering Sdn Bhd
17. Muhibbah Maritime Hub Sdn Bhd
18. Muhibbah Marine Kuantan Sdn Bhd
19. Karisma Duta Sdn Bhd
20. Karisma Project Management Inc
21. Juara Lagi Sdn Bhd
22. Sun Vibrant Sdn Bhd
23. MEB Equipment Sdn Bhd
24. Khas Jejaka Sdn Bhd
25. Muhibbah Oil & Gas Sdn Bhd (fka Besimega Sdn Bhd)
26. Muhibbah O&G Sdn Bhd
27. Muhibbah Defense Engineering Sdn Bhd
28. Aspect Saga Sdn Bhd
29. Muhibbah International Labuan Ltd
30. Muhibbah Airport Services (Labuan) Ltd
31. Muhibbah Airport Management Sdn Bhd
32. Muhibbah Offshore Services Ltd
33. Muhibbah Engineering Middle East LLC
34. Advance Vision Ltd
35. Delta Field Ltd
36. Muhibbah Engineering (Singapore) Pte Ltd
37. Muhibbah Construction Pty. Limited
38. Muhibbah Engineering (Cambodia) Co., Ltd
39. Muhibbah Engineering (Laos) Co. Ltd
40. PLH Co Ltd
41. M&G Sutera 8 Sdn Bhd
42. Muhibbah Masteron Cambodia JV Limited
43. Muhibbah Engineering (Philippines) Corporation
44. MCI Philippines Corp
45. Muhibbah Myanmar Company Ltd
46. Favelle Favco Bhd
47. Favelle Favco Cranes (M) Sdn Bhd
48. Favelle Favco Cranes Pte Ltd
49. Favelle Favco Cranes (USA), Inc
50. Favelle Favco Cranes Pty. Limited
51. FF Management Pty Milperra Blasting and Coating Pty Limited
52. Kroll Crane A/S
53. Favelle Favco Cranes International Ltd
54. FES Equipment Services Sdn Bhd
55. Favelle Favco Management Services Sdn Bhd
56. Favelle Favco Winches Pte Ltd
57. Shanghai Favco Engineering Machinery Manufacturing Co Ltd
58. Roadcare (M) Sdn Bhd
59. Freyssinet PSC (M) Sdn Bhd
60. Societe Concessionnaire de l'Aeroport
61. Wabag Muhibbah JV Sdn Bhd
62. Cambodia Airport Management Services Ltd
63. Inno Marine Services Sdn Bhd
64. IDS Cahaya Ltd
65. IDS Cahaya Sdn Bhd
66. IDS Darussalam Sdn Bhd
67. IDS Offshore Sdn Bhd
68. MEB (Thailand) Co., Ltd
69. Favco Offshores Sdn Bhd
70. Favelle Favco Machinery and Equipment LLC
71. Favco Heavy Industry (Changsu) Co., Ltd (fka Favco Equipment (Shanghai) Co. Ltd
72. Exact Automation Sdn Bhd
73. Exact Analytical Sdn Bhd
74. Sedia Teguh Sdn Bhd
75. Strata Niaga Sdn Bhd
76. Strata Niaga (B) Sdn Bhd
77. Master-Pack Group Berhad



13. Dengan menandatangani dan mengembalikan Notis Data dan Maklumat Peribadi ini, anda memberikan persetujuan kepada Kumpulan Syarikat Muhibbah untuk:
- a) Memproses maklumat peribadi anda seperti yang dinyatakan di atas;
 - b) Memproses maklumat peribadi sensitif anda, termasuk maklumat berkaitan kesihatan, sabitan jenayah, bangsa, agama dan asal usul etnik anda bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas; dan
 - c) Memindahkan maklumat peribadi anda ke negara-negara lain di mana Kumpulan Syarikat Muhibbah, syarikat berkaitan dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga beroperasi di luar Malaysia yang mungkin tidak menyediakan tahap perlindungan data yang sama seperti di Malaysia, sekiranya pemindahan tersebut diperlukan bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas.
14. Jika anda tidak ditawarkan pekerjaan, Kumpulan Syarikat Muhibbah akan menyimpan maklumat anda untuk tempoh yang munasabah selaras dengan keperluan undang-undang, untuk tujuan pentadbiran dan rekod, sebagai sebahagian daripada pangkalan data kumpulan bakat kami. Kami mungkin menghubungi anda jika peluang pekerjaan lain timbul pada masa hadapan yang kami fikir mungkin sesuai untuk anda. Jika anda tidak mahu data anda menjadi sebahagian daripada pangkalan data kumpulan data kami / tidak mahu kami menghubungi anda untuk peluang pekerjaan akan datang, sila tandakan (v) dalam kotak ini. ☐

Saya telah membaca dan memahami sepenuhnya Notis Data dan Maklumat Peribadi ini dan dengan menandatangani dokumen ini, saya memberikan persetujuan terhadap penggunaan Data Peribadi saya selaras dengan terma-terma yang dinyatakan dalam Notis Data dan Maklumat Peribadi ini.

Nama :

Tandatangan :

Tarikh :